

Headline	TNB jamin atasi masalah pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	09 May 2019	Language	Malay
Circulation	20,000	Readership	60,000
Section	News	Page No	19
ArticleSize	300 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,120		



TNB jamin atasi masalah pengguna

Ramai rakyat mendakwa meter pintar punca bil elektrik naik mendadak

MELAKA TENGAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) Melaka semalam memohon maaf atas kesulitan dialami pengguna selepas pihaknya membuat penukaran meter pintar (*smart meter*).

Pengaruhnya, Rezahan Mohammad berkata, pihaknya memberi jaminan akan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah dihadapi pengguna. "Setiap keluhan dan aduan



Pengguna yang mengalami masalah boleh datang ke pejabat TNB Melaka.

pengguna akan diberikan perhatian termasuk membuat semakan dengan kadar segera.

"Sekiranya semakan yang dilakukan mendapati terdapat lebihan caj direkodkan dalam akaun

pengguna, TNB akan mengambil tindakan untuk mengkreditkan semula ke dalam akaun mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Baru-baru ini, tular di laman sosial mengenai keluhan dan rasa

tidak puas hati pengguna berhubung isu pemasangan meter pintar di negeri itu.

Majoritinya mendakwa mengalami kenaikan bil utiliti itu selepas membuat penukaran kepada meter pintar.

Susulan itu, Ketua Menteri, Adly Zahari telah mengeluarkan kenyataan menggesa TNB menyelesaikan segera isu berkenaan selain menyarankan pihak berkenaan memperhalusi perkara tersebut dengan menggerakkan unit pemantau bagi mengetahui secara jelas punca kenaikan bil.

Rezahan berkata, TNB akan membantu pengguna dan tidak akan membuat pemotongan bekalan elektrik sementara aduan pengguna diperincikan.

"Pengguna yang mempunyai pertanyaan atau kemusykilan bo-

SMART METER

- Alat ukur elektrik dua hala antara *smart meter* dan TNB.
- Membekalkan rekod bacaan dilakukan setiap 30 minit.
- Data dihantar kepada TNB secara automatik.
- Maklumat dikemaskini dengan lebih pantas.
- Tidak memerlukan lagi pembaca meter.
- Gangguan elektrik dapat diketahui segera.
- Pengguna boleh pantau penggunaan elektrik melalui telefon pintar.

leh menghubungi talian 1300-88-5454 atau datang ke pejabat TNB negeri mahupun cawangan di daerah yang berhampiran mereka," katanya.